

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Beg kecemasan **Sonic** turut dilengkapi dengan tilam mudah bawa.



Beg kecemasan **Sonic**

Sekumpulan staf Pusat Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menghasilkan beg kecemasan dikenali sebagai Sonic yang lebih berkualiti dan praktikal, berbanding peti kecemasan yang sedia ada di pasaran.

Sonic adalah beg galas atau sandang yang sesuai digunakan untuk aktiviti luar dan turut memiliki ciri seperti peti kecemasan dengan ruang penyimpanan ubat-ubatan dan alat rawatan.

Pengarah Pusat Kesihatan USIM, Dr Nik Mohd Shafikudin Md Nik Tajuddin, berkata idea menghasilkan beg kecemasan Sonic bermula selepas mengambil kira masalah kesukaran menggunakan peti kecemasan untuk aktiviti luar.

Katanya, peti kecemasan yang sedia ada kurang sesuai, mahal, mudah rosak kerana diperbuat daripada kotak dan plastik selain tidak mempunyai manual panduan penggunaan.

“Beg kecemasan Sonic sebaliknya menepati spesifikasi untuk penggunaan aktiviti luar dengan reka bentuk yang sesuai, dibuat daripada bahan tahan lasak dan bersaiz sederhana.

Alatan asas

“Ia turut dilengkapi dengan ruang penyimpanan ubat-ubatan dan alat perubatan yang cukup selain mudah

dibawa, harga yang lebih murah dan panduan penggunaan yang mudah difahami,” katanya.

Katanya, antara alatan asas kecemasan yang dimuatkan dalam beg itu ialah *dressing* steril, plaster luka, kain anduh, pembalut kain kasa, larutan

iodin, krim antiseptic dan gunting kecil.

Dr Nik Mohd Shafikudin berkata, beg kecemasan Sonic turut dilengkapi ciri tambahan yang tiada pada peti kecemasan seperti tilam mudah bawa, lampu picit, tempat simpanan sejuk

(paket ais), penambahan anduh, poket *powerbank* dan kompas.

“Setakat ini, sembilan unit beg Sonic sudah dihasilkan Pusat Kesihatan USIM untuk kegunaan aktiviti luar pelajar khususnya di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

“Berdasarkan soal selidik membabitkan 42 responden yang menggunakan beg ini, mendapati 93 peratus berpuas hati dengan Sonic dengan sifar kerosakan selepas digunakan,” katanya.

Kejayaan inovasi itu turut mendapat pengiktirafan pingat Emas dan Anugerah Khas Pengurusan Bencana Negara pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat universiti awam kali ke-11, baru-baru ini.

“**BEG KECEMASAN SONIC SEBALIKNYA MENEPATI SPESIFIKASI UNTUK PENGGUNAAN AKTIVITI LUAR DENGAN REKA BENTUK YANG SESUAI, DIBUAT DARIPADA BAHAN TAHAN LASAK DAN BERSAIZ SEDERHANA**”

Dr Nik Mohd Shafikudin Md Nik Tajuddin,
Pengarah Pusat Kesihatan USIM

UMT raih pingat ITEX15

Kuala Terengganu: Strategi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mempertaruhkan penyelidikan berkualiti khususnya dalam bidang Oseanografi berjaya membuah hasil apabila meraih lapan pingat pada Pameran Penyelidikan Antarabangsa (ITEX15) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Enam penyelidik UMT memenangi empat pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa menerusi tiga kategori dipertandingkan iaitu agrikultur, material serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan multimedia.

Pada pameran itu, Dr

Helena Khatoun, meraih dua pingat emas bagi kategori agrikultur untuk penyelidikan dalam bidang *Shrimp Post Larvae* dan *Home Aquarium* manakala Dr Yeng Yik Sung juga menang dua pingat emas untuk kajian terhadap makanan tambahan bagi ternakan agrikultur dan keperluan makanan hidup produk akuakultur.

Sementara itu, Dr Norizah Mohd Sarbon menang pingat perak dalam kategori sama bagi produk *Tub-bies Ice Cream* yang diproses menggunakan kaedah teknologi penapaian bagi mengekalkan kelazatan rasa semula jadi makanan berkenaan.

Bagi kategori material, Mohd Hasmizan Razali meraih pingat perak bagi produk *Environmental Pollution Solver*, manakala pingat gangsa kategori sama disumbangkan oleh Dr Wan Norsani Wan Nik bagi produk *Corrosion Inhibitor* yang dapat melambatkan proses pengaratn pada alatan besi.

Penyelidikan berimpak

Pingat perak bagi kategori ICT dan multimedia pula disumbangkan oleh Dr Noraida Ali dengan produk *Videxa; A tool for cybercrime* iaitu satu perisian bagi mengesan struktur video asal yang sudah disunting.



Barisan penyelidik UMT yang meraih kejayaan pada ITEX 2015.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Ainie Mohktar, berkata pada ITEX kali ini, UMT menetapkan penyertaan penyelidikan berfokuskan kepada masyarakat di pesisir pantai.

“Konsep penyertaan kali

ini adalah untuk mengetengahkan produk yang dapat melonjakkan kemampuan penyelidikan berimpak tinggi selaras dengan seruan kerajaan bagi mengukuhkan hala tuju serta kawalan pengurusan penyelidikan

sempena agenda transformasi penyelidikan dan inovasi.

“Justeru itu, saya amat berbangga kerana UMT berjaya memperoleh pingat untuk semua produk yang dipertandingkan,” katanya